

Abdullah antara pemimpin dunia lawat Fidel Castro

HAVANA 17 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merupakan antara beberapa orang pemimpin dunia yang bertemu Presiden Fidel Castro, ketika mereka berada di ibu negara Cuba ini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dan Kumpulan 15 (G-15).

Semasa diminta menghuraikan tahap kesihatan Castro, Abdullah berkata: "Keupayaan mentalnya kuat, seolah-olah tidak sakit langsung. Jelas kesihatannya pulih dengan pantas. Kemampuan beliau bercakap dan bertukar-tukar pandangan makin baik."

"Malah, pada pertemuan yang berlangsung hari ini, kecergasan Castro terserlah semasa meluahkan panda-

ngan termasuk soal NAM dan hubungan dua hala," katanya pada sidang akhbar di Pusat Media Antarabangsa di sini.

"Pada pertemuan itu, Castro mengucapkan terima kasih ekoran kerusi NAM diambil alih oleh Cuba daripada Malaysia sambil berharap pertubuhan itu terus dapat bergerak cergas," jelasnya.

Castro, 80, tidak menyertai Sidang Kemuncak NAM kali ini serta tidak menghadiri Sidang Kemuncak G-15 kerana dinasihatkan supaya terus berehat selepas menjalani pembedahan Julai lepas. Pada kedua-dua majlis itu Cuba diwakili Pemangku Presiden, Raul Castro Ruz yang juga adiknya.

Selain Setiausaha Agung Pertubuhan

Um-18/9/2006
Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan yang bertemu Castro pada Jumaat lepas, turut dilaporkan berbuat demikian ialah rakan rapatnya dari Amerika Latin iaitu Presiden Venezuela, Hugo Chavez. Chavez sudah empat kali melawat Castro sejak pembedahannya.

Abdullah menjelaskan, Castro turut membincangkan soal dua hala Malaysia-Cuba yang kini sudah berjalan lancar.

"Castro turut menekankan pembangunan modal insan yang diberikan perhatian oleh pihaknya sehingga Cuba mampu mencapai kemajuan termasuk dari segi ekonomi, walaupun bermacam-macam masalah dan tekanan dihadapi oleh negaranya.

"Inilah (modal insan) kekuatan yang ada pada rakyat Cuba yang telah membawa kejayaan kepadanya sekarang. Matlamat beliau adalah jelas iaitu meningkatkan lagi mutu modal insan," katanya sambil memberi contoh, 100 peratus doktor di Cuba terdiri daripada rakyat tempatan.

Sungguhpun Castro tidak menyertai Sidang Kemuncak NAM kali ini, namun beliau tetap 'mengetuai' delegasi negaranya membuat persiapan dan mengikuti secara dekat persiapan dan perjalanan sidang itu.

Bagi pertemuan G-15 yang turut diadakan di sini, Raul hadir dan berucap pada pertemuan 18 negara itu sungguhpun Cuba tidak menganggotainya.

— Utusan